

HAKIM BESAR MALAYA  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR



CHIEF JUDGE OF MALAYA  
FEDERAL COURT  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

*Limau*

HBM.2/98/30.1

~~24 September 2000~~  
4 JAN 2001

Y.A. Hakim-Hakim  
Mahkamah Tinggi  
(Bahagian Sivil)  
Kuala Lumpur



Yang Arif


Arahan di Bawah Seksyen 20 Akta Mahkamah Kehakiman 1964:  
Pengagihan Kes di Mahkamah Tinggi (Bahagian Sivil 2) Kuala Lumpur

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukscita dimaklumkan setelah meneliti perkembangan pembahagian kes di Bahagian Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah dengan ini diarahkan:

- I. Semua kes *libel*, *slander*, fitnah, penghinaan mahkamah dan kes-kes tanah berkaitan kaveat dan halang tebus (*foreclosure*) yang sebelum ini difail dan dikendalikan di Mahkamah Sivil 2 hendaklah dengan ini diagihkan semula kepada semua Mahkamah Tinggi Sivil Kuala Lumpur mengikut amalan yang diamalkan pada masa kini.
- II. Pengagihan ini adalah termasuk kes-kes baru dan juga kes-kes lama. Bagi kes yang telah separuh bicara oleh Hakim Mahkamah Tinggi Sivil 2 maka kes tersebut hendaklah diteruskan perbicaraan oleh Hakim berkenaan.
- III. Kes-kes mengenai keluarga termasuk kes penceraian, nafkah, anak angkat, penjagaan anak, pembatalan penghakiman, pembahagian harta dan kes-kes lain yang berkaitan yang telah diarahkan supaya difailkan dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi (Sivil 4) adalah dikembalikan.
- IV. Ketua Bahagian Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hendaklah melaksanakan dan memastikan pengagihan kes-kes di atas berjalan lancar.

3. Arahan ini berkuatkuasa 1 Januari 2001. Para 2 (II), Arahan Hakim Besar Malaya bertarikh 20 Oktober 1999 rujukan (81)d/m.JK/MA 38 Vol.IV dengan ini dibatalkan.

  
( TAN SRIDATO WAN ADNAN BIN ISMAIL )  
Hakim Besar Malaya

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A. Dato' Azmel bin Hj. Maamor  
(Ketua Bahagian Sivil)  
Mahkamah Tinggi  
Kuala Lumpur

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur